

Kejahilan ancam keselamatan negara



Baru-baru ini, kenyataan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mengenai isu pembabitian pihak swasta dalam kawalan keselamatan sempadan negara, telah diputar-belit oleh pihak tertentu. Penjelasan beliau mengenai tujuh cadangan pendekatan teknologi dan pembinaan yang diterima kerajaan daripada pihak swasta, sebaliknya cuba digambarkan secara berbeza oleh sesetengah pihak.

Golongan yang boleh disifatkan sebagai jahil ini seolah-olah berusaha membentuk persepsi rakyat bahawa pihak kerajaan telah mengambil sikap 'lepas tangan' dengan membiarkan kawalan keselamatan sempadan negara kepada pihak swasta semata-mata. Kes yang membabitkan cubaan memburukkan imej angkatan keselamatan negara sebegini bukanlah pertama kali berlaku.

Pada awal Mac lalu, pihak Kementerian Pertahanan turut menerima tohmahan serupa sewaktu Datuk Seri Hishammuddin Hussein melancarkan 'keel' untuk pembinaan kapal peronda generasi kedua (SGPV) kelas Gowind buat Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Kos maksimum pembinaan enam kapal terbabit yang berjumlah RM9 bilion dikelirukan dengan angka rekaan RM90 bilion, sedangkan pembinaan enam kapal Littoral Combat Ship (LCS) di Lumut, Perak adalah

cukup signifikan bagi melonjakkan kapasiti TLDM.

Keentingan strategik

Pembinaan keenam-enam kapal SGPV kelas Gowind itu terbukti kritikal buat kepentingan strategik jangka panjang negara susulan laporan kehadiran sekitar 100 bot nelayan milik China yang diiringi kapal Pengawal Pantai China berhampiran Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) negara beberapa hari yang lalu.

Meskipun operasi mengiringi dan membawa keluar semua bot terbabit dibantu enam kapal milik Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) – iaitu *KM Siakap*, *KM Banggi*, *KM Rhu*, *KM Jepak*, *KM Stapa* dan *KM Adil* – Ketua Pengarah Maritim Malaysia, Datuk Ahmad Puzi Ab Kahar sendiri turut mengakui penambahan aset kapal masih diperlukan demi membolehkan aktiviti rondaan dan pemantauan boleh dijalankan dengan lebih komprehensif.

Tidak hanya pada peringkat pemerolehan aset angkatan keselamatan, suara-suara jahil ini turut berkumandang di peringkat penggubalan rang undang-undang. Antara yang pernah menjadi sasaran ialah Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 yang turut dikenali sebagai SOSMA dan juga Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA).

Terkini, Rang Undang-undang (RUU) Majlis Keselamatan Negara (MKN) 2015 turut dipotretkan dengan dakwaan bahawa Perdana Menteri bakal membelakangi kuasa Yang di-Pertuan Agong berkait hal perisytiharan darurat. Hakikatnya, RUU MKN terbabit menggariskan secara jelas bahawa Perdana Menteri memiliki autoriti untuk mengisytiharkan 'kawasan keselamatan' atas nasihat pakar yang terdiri daripada anggota MKN yang lain, termasuk Panglima Angkatan Tentera dan Ketua Polis Negara, bukannya mengisytiharkan 'darurat'.

Malah, RUU MKN 2015 menuntut Perdana Menteri untuk se-

membentangkan perisytiharan terbabit di Parlimen untuk memperoleh kata putus majoriti. Sekiranya diluluskan Parlimen, perisytiharan kawasan keselamatan ini pula hanya akan berlangsung selama enam bulan dan tidak menjejaskan aktiviti sosioekonomi domestik berbanding perisytiharan 'Darurat'.

Seandainya diteliti dengan lebih mendalam, RUU MKN ini ternyata berpotensi mempersiapkan koordinasi mantap antara pasukan keselamatan menerusi peruntukan 15 bidang kuasa khas buat Pengarah Operasi di satu-satu kawasan keselamatan yang diisytiharkan.

Lebih parah lagi, golongan jahil ini bahkan meremehkan kedinamikan ancaman keselamatan global kontemporari semata-mata demi menafikan kepentingan RUU MKN ini. Hal ini dizahirkan secara nyata susulan serangan di Jakarta 14 Januari lalu di mana mereka mendakwa kononnya peruntukan undang-undang sedia ada sudah memadai.

Ringkasnya, dalam mendepani suara-suara jahil ini, kefahaman rakyat Malaysia mengenai kepentingan konsep Pertahanan Menyeluruh (Hanruh) perlu diperingkatkan. Konsep Hanruh ini merupakan strategi ketiga dalam Dasar Pertahanan Negara (DPN) di mana ia menekankan kesiapsiagaan awam dalam mempertahankan keamanan dan kedaulatan negara.

Bukan hanya dari segi kesiapsiagaan fizikal dan keprihatinan terhadap maklumat risikan musuh, malah kesiapsiagaan rakyat Malaysia dalam erti kata menyaring maklumat yang diseru oleh pihak jahil juga perlu untuk diberi perhatian. Semestinya menjadi persoalan, adakah pihak ini sememangnya jahil atau sengaja buat-buat jahil, demi 'menjahilkan' persepsi orang ramai terhadap kepentingan keselamatan negara kita?



Penulis

ialah Pensyarah Program Sains Politik, Universiti Kebangsaan